

PHARMANIAGA DIPHENHYDRAMINE EXPECTORANT

Diphenhydramine hydrochloride / Ammonium chloride (12.5mg/135mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant
2. Bagaimana Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant berfungsi
3. Sebelum menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant
4. Cara menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant
5. Semasa menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant

Ianya digunakan untuk melegakan simptom batuk, hidung tersumbat dan kesesakan saluran pernafasan.

Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai soalan tentang ubat yang telah dipreskripsi untuk anda. Ubat ini mungkin telah dipreskripsi oleh doktor anda disebabkan masalah lain.

Bagaimana Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant berfungsi

Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant mengandungi diphenhydramine yang tergolong dalam kumpulan ubat antihistamin yang mempunyai sifat penahan batuk. Ia juga mengeringkan rembesan di dalam hidung dan dada.

Ammonium chloride ialah sejenis ekspektoran yang menolong mencairkan kahak.

Sebelum mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant

-Bila tidak boleh mengambil

Anda dilarang mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant jika:

- Anda alah terhadap diphenhydramine, ammonium chloride atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini seperti yang tersenarai di bahagian akhir risalah ini.
- Anda menggunakan pada kanak-kanak dibawah 2 tahun.
- Anda menggunakan pada bayi pramatang dan bayi baru lahir.
- Anda mengalami peningkatan tekanan pada mata, asma, masalah pembesaran prostat, masalah hati atau buah pinggang, terapi perencat monoamina oksidase.
- Anda hamil, menyusukan anak atau merancang untuk hamil. Elakkan daripada mengambil Diphenhydramine jika anda sedang menyusukan anak.
- Tarikh telah melepasi tarikh luput yang tertera di kotak.
- Kotak pembungkusan koyak atau kelihatan rosak atau dibuka.

Jika anda tidak pasti sama ada anda boleh menggunakan ubat ini, sila rujuk dengan doktor atau ahli farmasi anda terlebih dahulu.

-Sebelum mula mengambil

Maklumkan kepada doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat atau makanan.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau telah mempunyai masalah kesihatan seperti:

- Sawan
- Masalah jantung dan salur darah yang teruk
- Halangan saluran gastrik dan duodenum
- Kesukaran untuk kencing
- Lemah otot rangka
- Kelenjar tidak normal
- Mempunyai masalah pernafasan dan batuk kronik.
- Masalah hati dan buah pinggang
- Masalah penglihatan

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat-ubat lain, termasuk yang tidak memerlukan preskripsi dari farmasi, kedai ubat, pasar raya atau dari sumber lain.

Keberkesanan ubat lain mungkin terganggu apabila diambil bersama Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant pada waktu yang sama.

Ini termasuk:

- Ubat-ubatan untuk merawat kemurungan seperti perencat monoamina oksidase (MAOI)
- Ubat sedatif
- Ubat antimuskarinik
- Antibiotik aminoglikosida (untuk merawat jangkitan bakteria).
- Ekstrak alergen (untuk ujian kulit untuk diagnosis. Adalah disyorkan bahawa ubat boleh dihentikan sekurang-kurangnya
- 72 jam sebelum pengujian bermula)
- Ubat yang digunakan untuk mengurangkan tekanan rendah.

Doktor atau ahli farmasi akan menasihati anda akan penggunaan ubatan lain yang perlu diambil perhatian jika diambil bersama Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant.

Cara menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant

Pengambilan secara oral sahaja. Goncang sebelum digunakan.

Ambil ubat seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Jika anda musykil dengan cara mengambil ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi akan menasihati anda jumlah dos yang diperlukan bagi setiap hari dan selama mana anda perlu ambil. Ianya bergantung kepada keadaan anda dan sama ada anda sedang mengambil ubat-ubat lain.

PHARMANIAGA DIPHENHYDRAMINE EXPECTORANT

Diphenhydramine hydrochloride / Ammonium chloride (12.5mg/135mg per 5ml)

Jumlah Dos

Dewasa dan kanak-kanak berumur selepas 12 tahun:

10ml setiap empat hingga enam jam. Jangan ambil melebihi 60ml dalam satu hari.

Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun:

5ml setiap empat hingga enam jam. Jangan ambil melebihi 30ml dalam satu hari.

Kanak-kanak berumur 2 hingga 5 tahun:

2.5ml setiap empat hingga enam jam. Jangan ambil melebihi 15ml dalam satu hari.

Jangan berikan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant kepada kanak-kanak dibawah umur 2 tahun. Ambil secara berhati-hati dan ikut arahan doktor dengan teliti untuk kanak-kanak berumur 2 – 6 tahun, bayi pramatang dan bayi baru lahir.

Anda dinasihati untuk menggunakan picagari oral bagi menyukat dos yang tepat terutama apabila memberikan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant kepada kanak-kanak.

-Bila perlu digunakan

Ambil bersama makanan atau susu bagi mengurangkan iritasi gastrik. Minum segelas air selepas setiap dos untuk membantu mencairkan mukus dalam paru-paru.

Ikuti arahan pada label dan sepertimana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Ikuti arahan pada label dan seperti mana arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Jika terlupa menggunakan

Makan dos tertinggal sebaik sahaja anda ingat. Jika ianya sudah hampir waktu untuk pengambilan seterusnya, tunggu sahaja untuk pengambilan tersebut dan abaikan dos yang tertinggal.

Jangan gantikan dos bagi menggantikan pengambilan yang tertinggal. Ini akan meningkatkan kemungkinan kesan sampingan yang tidak diingini.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pengambilan dos antihistamin yang berlebihan oleh bayi dan kanak-kanak boleh membahayakan dan menyebabkan kematian.

Jika anda atau orang lain telah terlebih ambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant, dapatkan rawatan di Bahagian Kecemasan hospital berdekatan walaupun tanpa ada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Gejala untuk antihistamin pada bayi dan kanak-kanak, menyebabkan:

- Koordinasi otot kurang baik
- Keterujaan
- Menggeletar
- Penyakit jiwa
- Khayalan dan sawan
- Suhu badan yang terlalu tinggi
- Koma, kegagalan jantung dan pernafasan secara tiba-tiba

Manakala untuk orang dewasa, kebiasaannya dengan:

- Mengalami kegagalan pernafasan.
- Kegagalan jantung dan peredaran darah
- Ketidak seimbangan asid bes badan yang ketara dan kekurangan kalium dalam darah
- Mengantuk
- Pergerakan badan yang tidak teratur

Semasa menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant

-Perkara yang perlu dilakukan

- Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika simptom anda berterusan selama lebih dari 7 hari, atau jika demam panas, ruam kulit dan sakit kepala yang berterusan dengan batuk.

- Sekiranya anda inginmendapatkan rawatan perubatan lain, maklumkan kepada semua doktor, doktor pergigian dan ahli farmasi yang anda sedang mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant.

- Maklumkan kepada doktor jika anda kehamilan sewaktu mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant kepada orang lain walaupun mereka mempunyai simptom yang serupa.

Jangan ambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant untuk merawat masalah lain kecuali atas arahan doktor.

Jangan ambil minuman beralkohol sewaktu menggunakan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant kerana ini akan menyebabkan kesan sampingan seperti mengantuk atau pening bertambah teruk.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan memandu, menjalankan jentera atau melakukan aktiviti yang memerlukan kepekaan mental jika anda merasa mengantuk atau pening selepas mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant.

PHARMANIAGA DIPHENHYDRAMINE EXPECTORANT

Diphenhydramine hydrochloride / Ammonium chloride (12.5mg/135mg per 5ml)

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh menyebabkan kesan sampingan yang tidak diingini. Walau bagaimanapun, ianya tidak berlaku untuk semua pengguna. Kesan sampingan berikut mungkin akan berlaku sewaktu pengambilan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant:

- Mengantuk
- Penglihatan kabur
- Kekeliruan
- Pening
- Kekeringan mata, mulut, hidung dan tekak
- Peluh yang berlebihan
- Hilang selera makan
- Mimpi ngeri
- Keadaan cepat marah
- Kulit oversensitif terhadap cahaya
- Prestasi terjejas
- Penat
- Penyakit haid
- Tekanan darah rendah
- Ketidakelesaan perut
- Gangguan tidur
- Sejuk
- Kegelisahan
- Kebas
- Mengeletar
- Keradangan saraf
- Kiraan platelet darah rendah
- Pecahan sel darah merah yang tidak normal
- Kekurangan sel darah putih
- Kemerahan dan bengkak
- Reaksi alahan yang serius
- Masalah berkaitan telinga
- Penglihatan berganda
- Masalah kencing
- Penebalan dinding bronkus yang tidak normal
- Gangguan pergerakan otot
- Sembelit
- Muntah dan loya
- Serangan penyakit tiba-tiba

Maklumkan kepada doktor dan dapatkan rawatan segera jika anda mengalami kesan sampingan berikut setelah mengambil Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant:

- Bunyi nafas yang berdehit atau sesak nafas
- Denyutan jantung laju dan debaran jantung
- Ruam kulit
- Bengkak di muka, bibir, mulut, sekeliling mata, lidah dan tekak dan menyebabkan kesukaran untuk menelan.

Ini merupakan kesan sampingan yang serius dan memerlukan rawatan perubatan yang segera.

Keterujaan melampau boleh berlaku pada kanak-kanak yang lebih tua yang mengambil antihistamin.

Warga emas lebih mudah terdedah kepada kesan sampingan antihistamin termasuk sedatif dan tekanan darah tinggi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Pharmaniaga Diphenhydramine Expectorant

-Penyimpanan

Simpan semua ubat-ubatan dari penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Jangan simpan di dalam bilik mandi atau berdekatan sinki atau di ambang tingkap.

Jangan tinggalkan di dalam kereta pada hari bercuaca panas. Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang tertera di kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir pada bulan tersebut.

- Simpan di bawah suhu 30°C
- Jauhi dari cahaya
- Pastikan bekas ditutup rapat

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dibuang melalui air buangan atau buangan isi rumah.

Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan. Langkah-langkah ini boleh membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk

Sirap berwarna perang.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap 5mL sirap ini mengandungi *Diphenhydramine hydrochloride*: 12.5mg *Ammonium chloride*: 135mg

- Bahan tidak aktif:

Raspberry Flavour, Menthol, Glycerin, Peppermint Oil, Refined Sugar, Citric Acid, Liquid Glucose, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Purified Water, Caramel SD, Sodium Citrate, Xanthan Gum

-Nombor MAL:

MAL19971329AZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd
Lot 24 & 25 Jalan Perusahaan Lapan Bakar Arang Industrial Estate
08000 Sungai Petani
Kedah Darul Aman
Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad
No.11A, Jalan P/1
Kawasan Perusahaan Bangi.
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

31/05/2023

Nombor Siri

NPRA (R4/1)230718/00209